

Pengaruh AS diperlu segera realisasikan keamanan di Gaza

Malaysia mahu resolusi PBB dilaksana tanpa syarat tambahan

Daripada Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my
di Vientiane (Laos)

Malaysia mahu Amerika Syarikat (AS) menggunakan pengaruhnya untuk menyegerakan pelaksanaan resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menggariskan tiga fasa untuk merealisasikan keamanan di Gaza tanpa syarat tambahan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia bersama masyarakat antarabangsa mendesak supaya gencatan senjata dilakukan segera bagi mencegah bencana kemanusiaan terus memburuk di Gaza dan Lubnan.

Ia merujuk kepada Resolusi Majlis Keselamatan PBB 2735 (2024) yang menggariskan tiga fasa untuk merealisasikan keamanan di Gaza disegerakan tanpa syarat tambahan.

"Penting bagi semua pihak untuk tidak memburukkan lagi keadaan yang sudah tegang di wilayah berkenaan," kata Perdana Menteri pada Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat (AS) Ke-12 di sini, semalam.

Kelmarin pada pertemuan dua hala dengan Setiausaha Negara AS, Antony Blinken, Perdana Menteri turut menggesa AS menggunakan pengaruhnya untuk melaksanakan Resolusi Majlis Keselamatan PBB 2735.

Resolusi itu menggariskan cadangan tiga fasa oleh AS yang menggesa kepada gencatan senjata segera, kekal dan berkesan.

Ini termasuk pembebasan tebusan, pertukaran tahanan warga Palestin dan pengunduran penuh tentera Israel dari Gaza, selain menggesa penyaluran bantuan kemanusiaan dengan segera dan tanpa halangan serta pembinaan semula wilayah itu.

Selain itu, Perdana Menteri menyatakan kesediaan Malaysia untuk bekerjasama dengan ASEAN dan AS dalam menangani isu tertunggak yang dapat membuka



Anwar dan Blinken pada pertemuan dua hala sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45, di Vientiane, kelmarin. (Foto BERNAMA)

jalan bagi AS menandatangani dan meratifikasi Protokol Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ).

Perkukuh modal insan

Pada masa sama, Malaysia menyeru kerjasama dalam program pembangunan kapasiti bagi memperkukuh modal insan, teknologi hijau, tenaga boleh baharu dan pembangunan bandar yang mampan.

Selain itu, Anwar mengalu-alukan cadangan pelaburan sebanyak AS\$14.7 bilion oleh gergasi teknologi AS ke Malaysia dan berharap dapat memperkukuh kerjasama dalam industri yang sedang berkembang.

Syarikat gergasi membabitkan Google, Microsoft, Enovix Corporation, Amazon Web Services, Abbott Laboratories dan Boeing.

Pada masa sama, beliau mengalu-alukan delegasi AS ke Dialog Pegawai Kanan berikutnya di Putrajaya pada akhir Oktober ini, sempena sambutan ulang tahun ke-10 Perkongsian Komprehensif Malaysia-AS.

Bercakap kepada media Malaysia pada hari terakhir Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang Kemuncak

Berkaitan semalam, Anwar berkata Malaysia akan terus tegas dalam menyuarakan pendirian mengenai Palestin, walaupun Barat dan Eropah tetap dengan pandangan mereka yang memihak kepada Israel.

Anwar berkata, isu Gaza dan Palestin banyak dibincangkan pada Sidang Kemuncak ASEAN bersama AS dan Kesatuan Eropah oleh negara anggota, selain dalam pertemuan dua hala bersama Malaysia, yang menggesa kekejaman terhadap rakyat Palestin dihentikan segera.

"Pandangan Barat, AS dan negara Eropah, ia tiada lain, iaitu 7 Oktober (serangan Hamas ke atas Israel), Iran serang, Hizbullah serang, maknanya Israel tidak serang apa-apa.

"Jadi, sebab itu kita harus tegas dengan pendirian kita. Mustahil (mereka) tidak faham dan dengar, jutaan anak muda dan rakyat bangkit di kota besar, menyatakan keganasan sudah berlaku sejak 1948.

"Kita harus terus menggalas tugas ini, suarakan aspirasi hak rakyat Palestin secara adil. Kita tidak setuju dengan keganasan tetapi dengan syarat hak itu dipatuhi," katanya.

